

# UTHM semarak sambutan merdeka ke-54

JOHOR BAHRU 16 Ogos - Kira-kira 500 orang kakitangan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) hadir di pekarangan perpustakaan untuk turut sama memeriahkan Majlis Pelancaran Bulan Kemerdekaan peringkat universiti, baru-baru ini.

Pegawai Perhubungan Awam, UTHM, Shafry Salim dalam satu kejayaan di sini hari ini, berkata, majlis pelancaran tersebut disempurnakan oleh Naib Canselor, Profesor Datuk Dr. Mohd. Noh Dalimin.

"Majlis tersebut bertujuan untuk menyemarakkan sambutan Bulan Kemerdekaan Negara Ke-54, di samping sebagai salah satu inisiatif untuk memupuk dan menyemai semangat patriotisme dan cintakan negara dalam kalangan warga universiti," katanya.

Turut hadir Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Profesor Dr. Rugayah Mohamed; Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Profesor Dr. Abdul Aziz Datuk Abdul Samad dan Pendaftar, Sulam Hamid.

Katanya, majlis diserikan dengan bacaan puisi patriotik, deklamasi sajak oleh Sarjan Yusof Ramji dan Muhammad Shahrin Haron dengan iringan muzik daripada Unit Kebudayaan, Pusat Kokurikulum dan Kebudayaan.

Katanya, semasa majlis berlangsung, Naib Canselor menyerahkan



MOHD. Noh Dalimin (kanan) melekatkan bendera pada kereta sempena Majlis Pelancaran Bulan Kemerdekaan Ke-54 di UTHM, Batu Pahat, baru-baru ini.

bendera Malaysia kepada Pendaftar sebagai simbolik Pelancaran Bulan Kemerdekaan Ke-54 dan turut melekatkan bendera Malaysia pada kenderaan UTHM dan seterusnya melepaskan konvoi kenderaan pembawa Jalur Gemilang mengelinger kampus universiti.

Sambutan sehingga 16 September ini akan dipenuhi dengan aktiviti-aktiviti seperti pertandingan keceriaan bulan kemerdekaan, majlis bacaan yasin dan tahlil, konvoi bermotor pelajar, pameran kemerdekaan dan perbarisan Kemerdekaan.